

PM yakin lebih banyak hasil negara boleh diselamatkan menerusi komitmen agensi penguat kuasa

CYBERJAYA - Kerajaan yakin jumlah sebenar dana negara yang hilang akibat ketirisan, penipuan dan rompakan awam adalah lebih besar daripada RM15.5 bilion yang berjaya diperoleh semula dalam tempoh dua tahun lepas, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, kejayaan memungut semula jumlah hasil negara yang besar itu menunjukkan keupayaan dan komitmen agensi-agensi penguat kuasa termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam membendung ketirisan berkenaan.

Bagaimanapun, Anwar menegaskan bahawa lebih banyak hasil negara boleh diselamatkan menerusi kesinambungan usaha yang sedang dilaksanakan.

"Kalau tanya saya, adakah (angka ini) mencukupi (setakat RM15.5 bilion sahaja)? Saya tak yakin jumlahnya hanya RM15.5 bilion," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Kastam Sedunia ke-44 di sini pada Isnin.

Turut hadir, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar serta Ketua

Yakin jumlah wang tiris lebih RM15.5 bilion



Anwar (tiga dari kiri) menerima Laporan Prestasi 2025 Kastam Diraja Malaysia oleh Anis Rizana (dua dari kanan) pada Sambutan Hari Kastam Sedunia ke-44 tahun di Cyberjaya pada Isnin.

Zainudin @ Mohd Zainuddin.

Anwar berkata, kejayaan memperoleh semula RM15.5 bilion itu hasil kerjasama erat antara JKDM dan agensi penguat kuasa lain, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta Suruhanjaya

Beliau berkata, kesemua agensi penguat kuasa itu bersama-sama mengesan, mencegah dan memulihkan dana yang hilang itu akibat ketirisan, penipuan dan salah guna bagi menyelamatkan rakyat dan negara ini.

Dalam pada itu, Anwar berkata, warga agensi penguat kuasa termasuk JKDM tidak seharusnya mudah berpuas hati dengan

memperbaiki prestasi, meningkatkan kecakapan dan integriti sebagai teras penyampaian perkhidmatan.

"Walaupun negara mencatat pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dan menunjukkan petanda positif termasuk pengukuhan ringgit, pencapaian itu belum memadai untuk mengangkat martabat serta kedudukan Malaysia ke tahap lebih tinggi.

"Saya tahu dan insaf bahawa kita punya keupayaan yang lebih baik... ramai yang berkhidmat dengan cemerlang tetapi masih ada bibit-bibit bobrok yang merosakkan integriti kita.

"Masih ada ruang yang harus kita perbaiki... masih ada tenaga yang mencemarkan bukan sahaja imej tetapi mengambil kesempatan merosakkan dan melemahkan tahap pencapaian yang baik yang mampu kita capai," katanya.

Beliau juga berkata perubahan sikap, kesediaan menerima hakikat baharu dan semangat untuk mempertingkatkan mutu kerja adalah prasyarat penting bagi memastikan Malaysia terus maju dalam era ekonomi kom-